



SIARAN MEDIA

INISIATIF SIMEN RAHMAH : KPKT TAWAR HARGA SIMEN 30% LEBIH MURAH DARI PASARAN UNTUK PEMBINAAN RUMAH MAMPU MILIK DEMI MENGHADAPI KRISIS TENAGA GLOBAL

PUTRAJAYA, 20 Mei 2026 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Nga Kor Ming (YB KM) hari ini mengumumkan **penerusan Skim Simen RAHMAH** untuk **menawarkan simen dengan harga yang lebih rendah berbanding dengan harga pasaran** bagi menyokong sasaran pembinaan rumah mampu milik di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

YB KM turut mengumumkan **perluasan skop inisiatif Skim Simen RAHMAH** yang kini merangkumi projek perumahan mampu milik di bawah **seliaan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta swasta**. Menurut beliau, langkah proaktif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan MADANI dalam mendepani cabaran krisis tenaga global susulan konflik yang sedang berlaku di Asia Barat.

"KPKT berhasrat untuk meneruskan inisiatif Simen Rahmah dan menawarkan simen pada harga yang lebih murah berbanding harga pasaran khas untuk projek perumahan mampu milik. Melalui inisiatif ini, kita berharap agar para pemaju akan terus menyokong agenda Kerajaan MADANI untuk menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti walaupun berdepani dengan peningkatan kos binaan akibat krisis tenaga global susulan konflik Asia Barat," ulas beliau.

Melalui perluasan skop terbaharu ini, projek ikonik rakyat di bawah agensi Persekutuan seperti Program Residensi Rakyat (PRR), projek pemajuan di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) serta pelbagai skim perumahan di bawah Kerajaan-Kerajaan Negeri kini akan menikmati perlindungan kos melalui pengekalan harga subsidi simen seperti berikut:

- i. **Simen Pukal** : RM290.00 per tan (penjimatan 31.8% atau RM135.00 berbanding pasaran RM425.00).
- ii. **Simen Kampit** (50kg) : RM17.50 sekampit (penjimatan 29.7% atau RM7.40 berbanding pasaran RM24.90).

Sebanyak 1.6 juta tan metrik simen diperuntukkan bagi menyokong sasaran RMK13 untuk menyediakan 500,000 unit Rumah Mampu Milik dalam tempoh lima (5) tahun.

Penjimatan kos ini bertindak sebagai mekanisme kawalan harga jualan rumah, intervensi awal menghalang risiko projek sakit atau terbengkalai serta memastikan kualiti kediaman rakyat tidak dikompromi.

Pada April 2023, KPKT telah memperkenalkan Skim Simen Rahmah melalui kerjasama strategik bersama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA). Skim ini telah mencatatkan rekod kejayaan yang nyata di mana sebanyak 29 projek pemajuan perumahan mampu milik telah diluluskan melibatkan penggunaan 1,560,329 kampakit dan 316,918.22 tan metrik simen.

Inisiatif ini telah berjaya menyokong pembinaan sebanyak 11,909 unit rumah dengan anggaran penjimatan kos pembinaan keseluruhan mencecah RM45.8 juta yang merangkumi RM38 juta bagi simen pukal dan RM7.8 juta bagi simen kampakit.

"Ini merupakan contoh sinergi antara Kerajaan MADANI dengan pihak swasta dalam usaha mengutamakan kesejahteraan rakyat, selari dengan Prinsip 4P: *People-Public-Private Partnership*," tambah YB KM.

Sekiranya keperluan terus meningkat, Kerajaan bersedia untuk menambah kuota sehingga satu (1) juta tan metrik lagi sebagai sokongan berterusan dengan mengambil kira faktor kos semasa pengeluar melalui rundingan berkala bersama pihak C&CA demi kelestarian industri.

Bagi memastikan tadbir urus yang telus dan mengelakkan sebarang ketirisan, proses permohonan skim ini akan diselaraskan sepenuhnya secara digital melalui Housing Integrated Management System (HIMS) oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN). Pendekatan ini bagi memastikan setiap ketetapan kriteria dipatuhi dengan ketat oleh semua pihak yang memohon.

Perluasan Skim Simen Rahmah ini juga merupakan salah satu komponen penting di bawah pelaksanaan agenda Reformasi Perumahan yang telah diumumkan KPKT pada November tahun lalu. Langkah intervensi ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan ekosistem perumahan negara kekal berdaya tahan demi melindungi kebajikan rakyat daripada impak ketidakpastian ekonomi global.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

